

**SULIT**



**UTHM**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER II  
SESI 2013/2014**

NAMA KURSUS : ASAS KEJURUTERAAN AWAM  
KOD KURSUS : BBL 30602  
PROGRAM : 3 BBV  
TARIKH PEPERIKSAAN : JUN 2014  
MASA : 2 JAM  
  
ARAHAN : A) JAWAB SEMUA SOALAN  
PADA BAHAGIAN A  
B) JAWAB SATU SOALAN  
PADA BAHAGIAN B

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI **TIGA (3)** MUKA SURAT

**SULIT**

## BAHAGIAN A

- S1** (a) Nyatakan jenis-jenis perancah. (3 markah)
- (b) Senaraikan fungsi utama sesebuah binaan perancah itu perlu dalam projek pembinaan. (7 markah)
- S2** (a) Mortar merupakan bahan utama dalam kerja bata, berikan ciri-ciri mortar yang baik dalam menghasilkan ikatan bata yang berkualiti. (4 markah)
- (b) Terangkan dengan ringkas bagi istilah-istilah berikut;  
(i) Lapisan asas  
(ii) Lapisan kedap  
(iii) Lapisan kalis lembab (LKL) (6 markah)
- S3** (a) Nyatakan ciri-ciri pembinaan dinding dan tembok dalam pembinaan. (6 markah)
- (b) Apakah bahan yang boleh digunakan untuk membuat dinding bagi menghasilkan kesan istimewa bagi sesebuah bangunan? (4 markah)
- S4** (a) Berikan jenis-jenis pembinaan tangga dalam sesebuah bangunan. (4 markah)
- (b) Tangga adalah sebahagian yang penting dalam pembinaan bangunan. Ia membolehkan perhubungan atau laluan turun naik yang mudah di antara satu tingkat dengan tingkat yang lain di dalam sesebuah bangunan. Tangga yang dibina mestilah mematuhi prinsip yang telah ditetapkan. Huraikan secara ringkas tiga prinsip dalam binaan tangga. (6 markah)

- S5** (a) Penutup bumbung terdiri daripada bahan-bahan yang kalis air. Bahan-bahan yang digunakan adalah mengikut jenis dan kecerunan bumbung. Senaraikan empat jenis penutup bumbung. (4 markah)
- (b) Huraikan secara ringkas faktor pemilihan jenis-jenis bumbung. (6 markah)

## **BAHAGIAN B**

- S9** En Harun bercadang untuk membina sebuah banglo dua tingkat. Anda telah dilantik sebagai wakil konsultan untuk memberi khidmat nasihat kepada beliau tentang pembinaan banglo tersebut.
- (a) Dengan bantuan lakaran huraikan jenis lantai yang sesuai bagi aras atas banglo tersebut. (15 markah)
- (b) Cadangkan dua jenis kemasan dan nyatakan sebab mengapa kemasan itu sesuai untuk lantai bilik tidur. (15 markah)
- S10** (a) Penyiasatan tanah perlu dilaksanakan di tapak bina sebelum menentukan jenis asas yang akan digunakan. Terangkan perkara-perkara yang perlu ada dalam laporan penyiasatan tanah tersebut. (10 markah)
- (b) Sebuah rumah setingkat dibina di atas tanah tambakan pada aras ketinggian 1.5m dari aras tanah. Cadang dan jelaskan dua penahan hakisan yang perlu dibina pada cerun tersebut. (10 markah)
- (c) Dengan bantuan lakaran huraikan jenis cerucuk yang digunakan dalam pembinaan. (10 markah)

**-SOALAN TAMAT-**